

Arkib kongsi kepakaran

SEMPENA Pameran Manuskrip Melayu yang dianjurkan Muzium Warisan Melayu, Universiti Putra Malaysia (UPM), Jabatan Arkib Negara (Arkib Negara) turut menjalinkan kerjasama di dalam memberi khidmat nasihat dan berkongsi kepakaran mengenai pengurusan rekod awam khususnya berkaitan pemuliharaan dan pemeliharaan.

Menurut Ketua Seksyen Penyelidikan, Arkib Negara, **Zaidin Mohd. Noor (gambar)**, untuk memastikan rekod awam atau bahan-bahan maklumat yang mempunyai nilai sejarah dan peristiwa penting tersimpan dalam keadaan baik, proses pemuliharaan dan pemeliharaannya perlu dilakukan bagi membolehkan ia bertahan lama dan bersifat kekal.

“Memandangkan kita mempunyai kepakaran dari segi pemuliharaan dan pemeliharaan, jadi kita turut berkongsi kepakaran tersebut bersama institusi lain termasuk pihak UPM. Proses memulihara melibatkan kerja-kerja membaik pulih agar bahan arkib dalam keadaan baik sementara memelihara merupakan usaha penjagaan yang bertujuan mengekalkan keadaannya,” katanya.

Menyentuh mengenai proses pemeliharaan, Zaidin berkata, pada asasnya ia melibatkan penggunaan bangunan dan peralatan untuk tujuan penyimpanan.

“Di dalam bangunan perlu adanya sebuah sistem kawalan keselamatan dari segi kelengkapan kamera litar tertutup (CCTV), pemantauan keluar masuk pengunjung, penggunaan kad akses bagi memasuki pintu dan penugasan pengawal keselamatan. Keselamatan fizikal ini sangat penting kerana bahan arkib apabila tidak dipantau risiko kehilangan khazanah warisan kemungkinan boleh berlaku.

“Seterusnya dari segi penyelenggaraan atau penjagaan juga amat penting bagi memastikan bahan arkib terus terpelihara dan bertahan lama. Penjagaan ini mengambil kira dari segi kawalan suhu mengikut standard yang ditetapkan iaitu antara 18 hingga 22 darjah celsius.

“Ini bermakna suhu persekitaran dalam bangunan tidak boleh berada pada tahap tinggi atau rendah daripada suhu berkenaan kerana akan menyebabkan bahan menjadi mudah rosak atau reput. Justeru, pendingin hawa dibuka sepanjang masa bagi memastikan suhu dalam keadaan terkawal.

“Begitu juga dari segi kelembapan, kadar kandungan air di dalam udara yang ditetapkan untuk memastikan ketahanan bahan arkib ialah antara 50 hingga 60 peratus iaitu tidak terlalu kering dan tidak juga terlalu lembap,” katanya.

Dari segi pemuliharaan katanya, kerja-kerja membaik pulih dan rawatan dilakukan terhadap bahan-bahan yang mempunyai kerosakan tertentu bagi memastikan ia dalam keadaan baik dan bertahan lama.

“Terdapat proses-proses tertentu dilakukan bagi membaik pulih bahan berkenaan. Di bawah Arkib Negara, bahagian pemuliharaan bertanggungjawab di dalam melaksanakan kerja-kerja membaik pulih.

“Antara proses terlibat termasuklah mengeluarkan asid pada kertas, ‘mematikan’ warna agar tidak berubah, memperbaiki kertas yang rosak dengan mencantumkan kertas khas dan ‘lamine’ dengan menggunakan tisu khas yang boleh dibuka semula.

“Selepas pemuliharaan dilakukan, kita juga melakukan pendigitalan bahan berkenaan bagi memudahkan pengkaji atau orang awam akses kepada maklumat,” katanya.

